



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 8

22hb April 2020

TAMBAHAN No. 45
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 122.

AKTA SYARIKAT 2016

PERINTAH SYARIKAT (PENGECEUALIAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 615 Akta Syarikat [Akta 777], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Syarikat (Pengecualian) 2020**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 23 April 2020 sehingga 31 Disember 2020.

Pengecualian

2. Tertakluk kepada perenggan 3, Menteri, bagi maksud menentukan sama ada suatu syarikat hendaklah disifatkan tidak mampu membayar hutangnya di bawah perenggan 466(1)(a) Akta, mengecualikan peruntukan yang menetapkan bahawa mana-mana syarikat hendaklah disifatkan tidak mampu membayar hutangnya jika syarikat itu mengabaikan apa-apa notis tuntutan oleh mana-mana pemiutang supaya membayar hutangnya atau supaya menjamin hutangnya atau mencapai persetujuan mengenai hutangnya sehingga memuaskan hati pemiutang itu dalam tempoh dua puluh satu hari selepas penyampaian notis tuntutan itu ke atasnya.